

B586:
MAHATHIR-GAJI

1981

KUALA LUMPUR, 5 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU AKAN MENIMBANGKAN KEPENTINGAN PARA MENTERI KABINET DAN JUGA RAKYAT SELURUH NEGARA SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN SAMADA AKAN MEMOTONG GAJINYA DAN RAKAN-RAKAN KABINETNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA +SAYA MAHU BERLAKU ADIL KEPADA SEMUA MENTERI DAN JUGA RAKYAT NEGARA INI SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN.+

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS MEMPENGHUSIKAN SIDANG MAJLIS TERTINGGI UMNO SEBAGAI MENGULAS RAYUAN CUEPACS SUPAYA BELIAU JANGAN MEMOTONG GAJINYA DAN PARA ANGGOTA KABINET.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BARU-BARU INI MENGUMUMKAN BELIAU SEDANG MENKKAJI KEMUNGKINAN MEMOTONG GAJI DAN ELAUN BELIAU, TIMBALANNYA, PARA MENTERI KABINET, TIMBALAN MENTERI DAN JUGA SETIAUSAHA PARLIMEN.

KATANYA BELIAU SEDANG MENKKAJI STRUKTUR GAJI DAN ELAUN MENTERI.

+SAYA TIDAK MENGATAKAN SAYA AKAN MEMOTONG GAJI ATAU ELAUN.+
KATANYA. --BERSAMBUNG 1610/1B

B591
MAHATHIR-GAJI 2 KUALA LUMPUR

+JIKA ADA ALASAN MUNASABAH UNTUK MEMOTONG GAJI ATAU ELAUN SAYA DAN PARA MENTERI KABINET, SAYA AKAN BERBUAT DEMIKIAN,+
TAMBAH BELIAU.

KATANYA, PERTIMBANGAN YANG SAMA AKAN DIBERIKAN TERHADAP TUNTUTAN CUEPACS SUPAYA KERAJAAN MEMBERIKAN ELAUN PERUMAHAN KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN DI BAWAH TINGKATAN TERTINGGI +G+.

+JIKA SAYA BOLEH BERI SAYA BERI, JIKA TIDAK BOLEH SAYA TIDAK BERI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENEMUI BEBERAPA ORANG EROPAH DARI SEBUAH NEGARA SOSIALIS DI BARAT DAN MEREKA MENGATAKAN MEREKA LEBIH SUKA TINGGAL MENETAP DI SINI MEMANDANGKAN KERAJAAN NEGARA I INI SUNGGUH BERMURAH HATI DALAM MEMBERI GAJI KEPADA PARA PEKERJANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENGESAHKAN TELAH MENERIMA PERMOHONAN DARI KERAJAAN NEGERI SABAH SUPAYA USNO DAN BERJAYA BERTANDING BERASINGAN DALAM PILIHANRAYA UMUM SUNGGUHPUN KEDUA-DUA PARTI ITU ADALAH PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

-- BERSAMBUNG 1620/SZ

B592
MAHATHIR-GAJI 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BELIAU TERPAKSA MENKKAJI PERMOHONAN ITU SUPAYA TIDAK MELANGGAR BATASAN PRINSIP YANG DITETAPKAN DALAM PERLEMBAGAAN BARISAN NASIONAL.

+SAYA TIDAK MAHU BERBUAT SESUATU YANG BOLEH MEMBAWA KESAN TERHADAP PERJALANAN BARISAN NASIONAL,+ TAMBAH BELIAU.

-- BERNAMA 1622/SZ